



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	14/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	PERHILITAN			

Empat hari hempas-pulas tangkap 7 ekor gajah

UM, 14 Sept
2021_32

KOTA BHARU: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan berjaya menangkap tujuh gajah liar yang berkeliaran di sekitar Kampung Lawar, Jeli dalam masa empat hari, baru-baru ini.

Operasi itu dilakukan Unit Tangkapan Gajah (UTG) Perhilitan Kelantan dengan kerjasama Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Pahang bermula 7 hingga 10 September.

Gajah-gajah liar berusia tiga hingga 30 tahun itu dipercayai berasal dari kawanan yang sama dengan gajah ditangkap pihak Perhilitan bulan lalu. Pengarah Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamed Haniff berkata, pada mulanya, tiga gajah jantan dan dua gajah betina berjaya ditangkap di lokasi

tersebut pada hari pertama dan kedua operasi.

Menurutnya dua lagi gajah jantan berjaya dikesan di lokasi berhampiran sebelum berjaya ditangkap pada hari keempat.

“Operasi tangkapan diketuai Ketua UTG Perhilitan Kelantan, Mohd. Firdaus Hasbullah dibantu Perhilitan Jeli dijalankan susulan aduan dibuat penduduk sejak 17 Ogos,” katanya. Anggaran jumlah kerugian dialami penduduk di kawasan itu pada tahun ini sahaja akibat gangguan gajah lebih kurang RM90,100. Operasi pemindahan gajah-gajah terbabit ke habitat asal mereka kemudiannya dijalankan selama dua hari pada Sabtu dan Ahad diketuai Ketua PKGK Kuala Gandah, Che Ku Zamzuri Che Wan Ab. Rahman bersama 35 kakitangan.



PETUGAS Perhilitan melakukan pemindahan tujuh ekor gajah yang ditangkap di Kampung Lawar, Jeli ke habitat asal mereka semalam dan kelmari. - IHSAN PERHILITAN KELANTAN